

# **UCAPAN BELANJAWAN 2023**

Oleh:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR  
MENTERI BESAR TERENGGANU**

*Dicetak oleh :*



SYARIKAT PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.  
Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman.  
Tel : 09-666 6652 / 8601 Faks : 09-666 0611



**NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

## **UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2023**

Oleh:

**YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR  
MENTERI BESAR TERENGGANU**

**KETIKA MEMBENTANGKAN RANG ENAKMEN PERBEKALAN 2023  
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**

**28 NOVEMBER 2022**

**“MEMACU TERENGGANU BERDAYA TAHAN”**

## **SENARAI KANDUNGAN**

ALU-ALUAN .....	1
PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI .....	3
PENCAPAIAN DAN SASARAN .....	5
Pencapaian 2018-2021 .....	5
Sasaran 2022/2023 .....	8
ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN MENGURUS .....	9
Anggaran Perbelanjaan Mengurus .....	9
Anggaran Hasil .....	11
INISIATIF BELANJAWAN 2023 .....	12
TERAS 1 : RAKYAT DISANTUNI .....	12
TERAS 2 : EKONOMI DIPACU .....	27
TERAS 3 : PEMBANGUNAN DILESTARI .....	35
PENGUMUMAN KHAS .....	38
PENUTUP .....	39



## ALU-ALUAN

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمٰنِ وَالْإِسْلٰمِ  
وَنُصَلِّيْ وَنُسَلِّمُ عَلٰى خَيْرِ الْأَنٰمِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى إِلٰهِ وَصَحِّبِهِ أَجْمَعِينَ  
أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,  
Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,  
Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan Agensi,  
Para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri, semua tetamu,  
petugas media dan pemerhati yang dirahmati Allah SWT sekalian,

1. Pada waktu yang diberkati ini, marilah kita berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu agar dilanjutkan usia dalam keafiatan dan senantiasa berada dalam limpahan rahmat dan keampunan Allah SWT serta dikurniakan petunjukNya



untuk terus memayungi Negeri Terengganu Darul Iman yang dicintai ini.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada SPR dan para petugasnya; serta semua pihak yang terlibat dalam melancarkan perjalanan PRU15 baru-baru ini.
3. Tahniah kepada calon-calon yang telah diberikan kemenangan. Semoga semuanya dapat melaksanakan tanggungjawab demi kepentingan agama, bangsa dan negara.
4. Terima kasih juga kepada semua agensi, badan sukarela dan petugas barisan hadapan bencana atas kesiapsiagaan untuk memastikan keselamatan rakyat dan kesejahteraan negeri ini dalam menghadapi situasi banjir.
5. Pada pagi ini, saya memohon untuk membentangkan di Dewan ini, Enakmen Perbekalan Tahun 2023 bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2023. Butiran lengkap Enakmen ini adalah seperti yang terkandung dalam Buku Belanjawan 2023 Terengganu Darul Iman.



## **PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI**

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

6. Pertumbuhan ekonomi dunia sehingga 5.7 peratus pada tahun 2021 turut memberi tempias kepada Malaysia apabila mencapai pertumbuhan sehingga 3.1 peratus berbanding penguncutan 5.5 peratus pada tahun sebelumnya.
7. Namun begitu, perkembangan ini dijangkakan bakal menurun pada tahun ini mengambil kira faktor konflik Eropah Timur yang masih berpanjangan, sekatan ke atas Rusia, langkah sifar COVID-19 di China dan dasar monetari yang lebih ketat di Amerika Syarikat yang secara langsung telah mengganggu aliran bekalan dan permintaan serta telah meningkatkan harga makanan dan tenaga di peringkat global.
8. Selain itu, purata harga minyak mentah Brent diunjurkan bakal meningkat antara USD100 ke USD110 setong pada tahun ini berbanding USD75 setong pada tahun 2021.
9. Bagi Negeri Terengganu pula, kita tersenarai sebagai ‘top-three’ apabila ekonomi kita bertumbuh positif dan melepassi



paras nasional. Pertumbuhan ini sangat bermakna setelah negeri kita mengalami kemerosotan ekonomi sehingga 5.7 peratus pada tahun 2020 akibat pandemik COVID-19 dan PKP yang dilaksanakan di seluruh negara.

10. Sumbangan terbesar pertumbuhan ini adalah diperoleh daripada sektor Perkhidmatan dan Pembuatan masing-masing dengan nilai RM18.1 bilion dan RM13 bilion yang didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit; maklumat & komunikasi; perkhidmatan kerajaan serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik.
11. Alhamdulillah, hampir semua sektor ekonomi Terengganu merekodkan pertumbuhan positif dengan sektor Pembuatan dan sektor Perlombongan & Pengkuarian mencatatkan pertumbuhan paling memberangsangkan iaitu masing-masing daripada -9.4 peratus dan -12.5 peratus pada tahun 2020 kepada 9.5 peratus dan 3.5 peratus pada tahun 2021.



## PENCAPAIAN DAN SASARAN

### Pencapaian 2018-2021

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

12. Saya ingin berkongsi beberapa statistik penting mengenai pencapaian negeri kita bagi meraikannya di Dewan ini dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana pencapaian ini adalah kejayaan kita bersama.
13. Alhamdulillah, pada tahun 2021, KDNK kita telah berkembang kepada 3.6 peratus. Perubahan peratusan tahunan KDNK ini terus bertambah baik daripada kedudukan ke-13 pada 2018 kepada kedudukan ke-11 pada tahun 2019, ke-9 pada tahun 2020 dan ke-3 pada tahun 2021.
14. Jumlah pelaburan kita pula meningkat daripada RM0.86 bilion pada tahun 2019 kepada RM2.95 bilion pada tahun 2020 dan RM3.87 bilion pada tahun 2021. Di samping itu, nilai eksport dan import barang di pintu keluar dan masuk negeri kita juga meningkat kepada RM20.9 bilion



dan RM3.78 bilion masing-masing pada tahun 2021; menjadikan imbalan perdagangan bertambah sebanyak 64 peratus kepada RM17.12 bilion berbanding RM10.43 bilion pada tahun 2020.

15. Mengenai KDNK Sektor Pertanian kita pula yang dilaporkan menurun marginal sebanyak 1.6 peratus, suka saya jelaskan bahawa ia adalah dipengaruhi oleh penyusutan dalam pengeluaran komoditi kelapa sawit yang berkait dengan polisi pengambilan pekerja asing yang merupakan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.
16. Adapun begitu, sebenarnya pertumbuhan subsektor ternakan dan tanaman lain seperti tanaman makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan adalah kekal positif dan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan selari dengan tumpuan dalam Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023.
17. Selain itu, negeri kita juga tersenarai antara negeri paling ramai dikunjungi pelancong dari seluruh negara iaitu seramai 1.14 juta orang.



**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

18. Pada tahun 2019, kadar pengangguran kita berjaya diturunkan di bawah 4.0 peratus iaitu kepada 3.5 peratus dan menghampiri paras nasional. Pada tahun 2020 dan 2021 semasa era pandemik, kadar yang direkodkan ialah 4.1 peratus dan kemudiannya turun kepada 4.0 peratus iaitu lebih baik daripada paras nasional.
19. Keadaan pengangguran di negeri kita adalah lebih baik berbanding negeri-negeri lain apabila berada di kedudukan ke-3 pada tahun 2018, ke-4 pada tahun 2019, ke-9 pada tahun 2020 dan ke-10 pada tahun 2021 dalam senarai kadar pengangguran tertinggi.
20. Data ini adalah refleksi keberhasilan usaha oleh pelbagai pihak di negeri ini apabila berjaya mendapatkan penempatan pekerjaan untuk 21,977 orang sehingga akhir tahun lalu termasuklah sebanyak 8,397 peluang pekerjaan yang tersedia menerusi 55 projek pelaburan sejak tahun 2018. Malah, dari Januari sehingga November tahun ini pula terdapat 23,525 kekosongan jawatan aktif di Terengganu yang boleh diisi oleh rakyat kita.



**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

21. Ini bermaksud, sebenarnya kita sudah berjaya meningkatkan tahap ekonomi dan sosioekonomi di negeri kita ini kepada yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelum ini. Justeru, tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua.
22. Bergerak ke hadapan ini, tanggungjawab yang lebih berat dan cabaran yang lebih besar perlu kita pikul dan hadapi bersama-sama untuk **“Memacu Terengganu Berdaya Tahan”**.

### **Sasaran 2022/2023**

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

23. Ekonomi negeri kita dijangka terus mengukuh dan berkembang antara 3.5 hingga 4.5 peratus pada tahun 2022 dan menyederhana antara 2.4 hingga 3.4 peratus pada tahun 2023 selari dengan situasi ekonomi global dan nasional seperti yang dijelaskan sebelum ini. Pada tahun hadapan juga, Kerajaan Negeri komited untuk memastikan sektor pertanian kita kembali bertumbuh positif antara 3.4 hingga 4.4 peratus. Kadar pengangguran pula diunjurkan



berada dalam julat antara 3.7 hingga 3.9 peratus pada tahun ini dan tahun hadapan.

24. Justeru, kita mesti berfokus dan berstrategi dalam menstabilkan permintaan domestik, merancakkan sektor pertanian dan industri pelancongan, menghasilkan impak yang tinggi daripada pelaksanaan projek infrastruktur serta memampangkan eksport; supaya kita dapat mendepani potensi kejutan luaran, memperbaik taraf hidup rakyat dan memperteguh keyakinan perniagaan seterusnya menjadikan negeri kita berdaya tahan.

## **ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN MENGURUS**

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

### **Anggaran Perbelanjaan Mengurus**

25. Bagi Tahun 2023, Kerajaan Negeri akan membelanjakan sejumlah RM1.991 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus, RM500 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan dan RM30 juta untuk Perbelanjaan Bekalan Air.
26. Di bawah **Perbelanjaan Mengurus**, sebanyak RM93.13 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Tanggungan dan RM1.897 bilion bagi Perbelanjaan Bekalan iaitu sebanyak RM271.65 juta untuk Emolumen, RM249.17 juta untuk



Perkhidmatan dan Bekalan, RM25.94 juta untuk Aset, RM1.35 bilion untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM1 juta untuk Lain-lain.

27. Di bawah komponen Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, sejumlah RM500 juta dicarum ke Kumpulan Wang Pembangunan; RM250 juta bagi pemberian kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Pelbagai Agensi; RM200 juta bagi pemberian kepada Jabatan-jabatan Kerajaan dan RM400 juta bagi program-program Pelbagai Perkhidmatan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan.
28. Di bawah **Perbelanjaan Pembangunan** pula, sebanyak RM417.73 juta (79%) diperuntukkan untuk Sektor Sosial merangkumi pendidikan, infrastruktur dan kemudahan awam termasuk bekalan air, pembangunan bandar dan luar bandar serta sukan dan perumahan; RM85.04 juta (16%) untuk Sektor Pentadbiran merangkumi teknologi maklumat, pentadbiran am serta projek khas dan projek penting luar jangka; dan RM27.23 juta (5%) untuk Sektor Ekonomi merangkumi pertanian, pelancongan dan industri mikro, kecil dan sederhana.



## Anggaran Hasil

29. Manakala bagi **hasil** pula, Kerajaan Negeri menganggarkan sejumlah RM1.810 bilion iaitu sebanyak RM65.17 juta daripada Hasil Cukai, RM135.59 juta daripada Hasil Bukan Cukai dan RM1.609 bilion daripada Terimaan Bukan Hasil termasuk Dana Khas Kerajaan Persekutuan iaitu bayaran hasil petroleum.
30. Walaupun belanjawan ini dirangka berdasarkan harga minyak mentah Brent yang dijangka mencatat purata lebih rendah sebanyak USD90 setong pada tahun 2023 berbanding USD100 setong pada tahun ini, namun keputusan untuk mengembangkan Belanjawan 2023 ini melebihi 20 peratus berbanding tahun 2022 adalah dibuat bagi menjamin ekonomi di negeri ini dapat terus bertumbuh mampan dan tahap sosioekonomi penduduk juga bertambah baik menerusi dasar, projek dan program yang akan dilaksanakan.



## **INISIATIF BELANJAWAN 2023**

31. Setelah mengambil kira realiti semasa dan prospek masa hadapan, cabaran dan peluang serta keperluan dan kemampuan kita, saya ingin menggariskan **tiga teras** sebagai pendekatan dalam melaksanakan Belanjawan 2023 ini iaitu **(i) menyantuni rakyat, (ii) memacu ekonomi dan (iii) melestarikan pembangunan.**

### **TERAS 1 : RAKYAT DISANTUNI**

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

32. Kita mesti membangunkan sebuah masyarakat yang berjati diri, mempunyai keupayaan kendiri dan menyumbang produktiviti untuk kesejahteraan kita bersama. Kerajaan Negeri akan sentiasa menyantuni rakyat supaya meningkatkan penghayatan Islam, meneruskan kecemerlangan pendidikan, mengukuhkan institusi keluarga dan mendapatkan keperluan hidup.
33. Justeru, bagi memakmurkan **masjid sebagai ‘one-stop centre’** aktiviti ibadah, keilmuan dan kemasyarakatan, sebanyak **RM640 ribu** diperuntukkan. Sebuah masjid di setiap DUN akan dipilih bagi merealisasikan program ini.



34. Selain memperuntukkan sebanyak **RM4.5** juta untuk **menyelenggara serta menaik taraf masjid dan surau** di seluruh negeri, sebanyak **RM20 juta** lagi diperuntukkan bagi meneruskan **pembinaan lapan buah masjid baharu** di enam daerah iaitu Besut, Setiu, Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman. Kerajaan Negeri juga merancang untuk memulakan pembinaan sebuah lagi masjid baharu pada tahun hadapan.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

35. Imam dan bilal adalah antara individu yang penting dalam memastikan masjid dan surau kita sentiasa diimarahkan. Justeru, sebagai penghargaan, saya mengumumkan **pemberian tunai ‘one-off’** bernilai **RM200** kepada 200 orang **imam dan bilal Skim Mubaligh**; dan **menaikkan elaun** hampir 1,000 orang **imam dan bilal** di negeri ini sebanyak **RM100 sebulan bagi yang tidak mempunyai pendapatan tetap**.
36. Alhamdulillah, jujur saya katakan bahawa terasa benar semaraknya program dakwah sepanjang tahun ini sesuai dengan pengisytiharannya sebagai Tahun Semarak Dakwah. Banyak sekali aktiviti yang telah dilaksanakan antaranya Qiamullail Perdana, Kembara Dakwah, Selebriti Bersama



Daie, Himpunan Daie Nusantara dan Karnival TMBS di setiap DUN. Saya percaya usaha gigih yang digerakkan oleh YB Hj. Mohd Nor dan agensi-agensi di bawahnya antaranya UPDI, DUAT dan i-MITS ini akan matatjahkan impak yang besar untuk kita semua.

37. Bagi memantapkan kegiatan dakwah dan pelaksanaan syariah serta menyuburkan aktiviti keilmuan di negeri kita juga, Kerajaan Negeri akan menganjurkan **Ijtimak Ulama Sedunia** dengan peruntukan sebanyak **RM250 ribu**.
38. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM5 juta** bagi pembinaan premis baharu **Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Kemaman** dan sebanyak **RM2 juta** lagi untuk kerja-kerja awal pembinaan **Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu**. Selain itu, **bilangan pegawai penguatkuasa syariah di setiap DUN juga akan ditambah** bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

39. **Program Itqan Insani** yang telah dibangunkan modulnya sebelum ini akan menjadi induk kepada semua program pembangunan insan di negeri kita. Justeru, bagi menjayakannya sebanyak **RM1 juta** diperuntukkan



manakala sebanyak **RM1.25 juta** lagi bagi **Program Transformasi Minda** dan pelbagai lagi kursus untuk memperkasa modal insan dalam kalangan penjawat awam.

40. Program **Generasi Islah Falah Terengganu (GIFT)** dan **Fityah Terengganu (FATEH)** juga diteruskan bagi membangunkan *syakhsiyah* dan kepemimpinan golongan remaja. Sebanyak **RM4 juta** diperuntukkan kepada Akademi Kepimpinan Al-Fateh Terengganu bagi melaksanakan program pembangunan belia secara menyeluruh bermula seawal usia 11 tahun menerusi program **Generasi Muda Terengganu Sejahtera (GMTS)** bersama UBSNT.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

41. Penubuhan SRIDI dan SMIDI mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Sehingga kini, sebelas buah SRIDI dan sebuah SMIDI telah ditubuhkan dengan jumlah murid seramai 1,658 orang dan 152 orang guru.
42. Susulan itu, sebanyak **RM11 juta** lagi diperuntukkan bagi pembinaan **SRIDI Seberang Takir** dan **SMIDI Ajil** yang baharu dan sebanyak **RM23 juta** pula diperuntukkan untuk mengoperasikan semua SRIDI dan SMIDI.



43. Selain memperuntukkan sebanyak **RM3.5 juta** sebagai **bantuan per kapita untuk sekolah agama** yang berdaftar dengan JHEAT, Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan **Tabung Pendidikan Islam Negeri Terengganu** dengan sasaran **RM1 juta**. Justeru, saya mengalu-alukan semua GLC, pihak swasta dan orang awam untuk turut menyumbang kepada tabung ini.
44. Semua ini demi menjamin kecemerlangan anak-anak kita dalam kedua-dua kurikulum *diniyyah* dan kebangsaan. Saya berharap, YB Dato' Hj. Satiful Bahari dan seluruh pasukan kerja beliau terutamanya JHEAT dan JPINT dapat memberikan perhatian serius untuk menjayakan agenda penting ini.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

45. Sebagai penghargaan kepada lebih 3,200 orang guru pendidikan Islam dan al-Quran penerima **Skim Mus'ab bin Umair** dan **Skim Al-Ghazali**, dengan ini saya mengumumkan **tambahan khas elaun bulanan 2023** sebanyak **RM50** yang melibatkan peruntukan berjumlah **RM15 juta**.



46. Selain dua **Pusat Pengajian al-Quran Braille** yang sedang beroperasi di Paka dan Besut untuk golongan OKU penglihatan, Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan **pusat pengajian Islam dan al-Quran** bagi memenuhi keperluan golongan OKU pekak dan bisu.
47. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM6 juta** bagi **kerja-kerja awal pembinaan bangunan baharu Sekolah Menengah Imtiaz Marang** dan **RM4 juta** bagi kerja-kerja ubah suai bangunan Kuarters Kompleks Kastam, Kenyir sebagai **kampus sementara KQT** dan penyediaan kemudahan infrastruktur asas bagi **kampus utama KQT** di Durian Mentangau, Dungun.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

48. Saya ingin mengumumkan berita baik buat anak-anak kita untuk pendidikan mereka. Pertama, kadar baharu sumbangan tabung pendidikan menerusi **Skim Permata Sejahtera** dinaikkan iaitu RM200 bagi anak pertama dan kedua, RM300 bagi anak ketiga hingga kelima, dan RM500 bagi anak keenam hingga kesepuluh.



49. Kedua, **pemberian tunai ‘one-off’** bernilai **RM110** sebagai “**Pitih Belanja**” kepada lebih 86,000 murid sekolah rendah dan menengah yang layak.
50. Ketiga, **pemberian bantuan** bernilai **RM100** menerusi **Baucar Pelajar Sejahtera** untuk semua calon **SPM, STPM dan STAM** bagi pembelian buku dan alat tulis.
51. Keempat, penyediaan dana berjumlah **RM5 juta** bagi **Tabung Siswa Pelajar** untuk membiayai yuran pengajian peringkat ijazah pertama di dalam dan luar negara bagi yang layak.

**Dato’ Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

52. Supaya kesejahteraan institusi keluarga dapat terus diperkuuh, sebanyak **RM4 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan **program Walimatulurus Perdana, program pasca perkahwinan, perkhidmatan sokongan psikososial dan kesihatan mental serta program pembangunan wanita**. Di samping itu, sebanyak **RM300 ribu** lagi diperuntukkan bagi **mengukuhkan perpaduan** dalam kalangan masyarakat kita.



53. Khusus untuk melindungi hak, membangunkan ekonomi, mempromosikan sosiobudaya dan pencapaian golongan wanita pula, Kerajaan Negeri menerusi USWa akan melaksanakan **Program Suara Hati Wanita Terengganu, Program Inspirasi Suri Sejahtera, Karnival Orang Puang Terengganu** dan **Terengganu Hijab Day** serta komited menjayakan **Pelan Dasar Wanita Terengganu 2030** yang dilancarkan baru-baru ini.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

54. Khusus untuk **wanita yang baru melahirkan anak**, dengan ini diumumkan **Baucar Pakej Berpantang** bernilai **RM200** bagi penjagaan selepas bersalin. Bantuan ini dijangka akan memberi manfaat kepada sekitar 5,000 orang wanita yang layak.
55. Untuk warga emas pula, pemberian **Pencen Rakyat** bernilai RM600 juga akan diteruskan dengan peruntukan berjumlah **RM15 juta** bagi memberi manfaat kepada lebih 25,000 penerima.



**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

56. Bagi memastikan penduduk kita mendapat perkhidmatan kesihatan yang baik, program **Kad Sejahtera** akan diteruskan dengan **penambahan jumlah penerima kepada 25,000** orang pada tahun hadapan. Sebanyak **RM4 juta** lagi diperuntukkan bagi program **Wad Kelas 3 Percuma** di semua hospital kerajaan di negeri ini.
57. Selain itu, sebanyak **RM50 ribu** diperuntukkan bagi **program kesihatan mental** dan **perkhidmatan kaunseling bergerak ke setiap DUN**; dan **RM300 ribu lagi** bagi **program pemeriksaan mamogram dan 'pap smear' secara percuma** untuk wanita yang berumur 35 tahun ke atas. Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji untuk melaksanakan program saringan kesihatan percuma untuk golongan lelaki.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

58. Kecemerlangan sukan kita akan terus diperhebat. Kemaraan Sang Penyu kita sehingga ke peringkat akhir dan dinobatkan sebagai naib juara Piala FA pada September lalu merupakan sebuah kejayaan yang sangat membanggakan.



Lebih manis, untuk musim hadapan skuad Terengganu ini akan bertarung di peringkat lebih tinggi iaitu saingan AFC selepas muncul naib juara Liga Super 2022.

59. Tahniah juga di atas prestasi cemerlang atlet kita sehingga muncul sebagai naib juara keseluruhan SUKMA 2022 baru-baru ini apabila berjaya merangkul 64 emas, 49 perak dan 56 gangsa; melebihi sasaran awal. Inilah hasil kesungguhan para atlet dan kontinjen kita. Syabas saya ucapkan kepada semua atlet. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada YB Wan Sukairi, barisan pengurusan dan kejurulatihan TFC serta ketua kontinjen Terengganu dan MSNT atas kejayaan-kejayaan ini.
60. Bagi merealisasikan Kontinjen Terengganu muncul sebagai juara keseluruhan **SUKMA 2024**, sebanyak **RM14.5** juta diperuntukkan bagi persediaan awal dan Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk menganjurkan kejohanan **Sukan Terengganu (SUTERA)** pada tahun hadapan dengan memilih Daerah Dungun sebagai tuan rumah.
61. Peruntukan sebanyak **RM600 ribu** pula disediakan untuk melaksanakan program perlumbaan berbasikal jelajah Terengganu iaitu **Tour Gateh D'Tranung**.



62. Berita gembira buat orang-orang muda, sebanyak **RM4.9 juta** disediakan untuk **menyelenggara dan membina kemudahan-kemudahan sukan** di setiap daerah terutamanya gelanggang futsal dan padang bola sepak. Semoga ia dapat dijaga dan dimanfaatkan dengan sebaiknya.
63. Selain memperuntukkan sebanyak **RM1.38 juta** untuk **bantuan pengurusan badan belia, sambutan Hari Belia dan anugerah belia**; sebanyak **RM1 juta** lagi disediakan khusus untuk **membantu pengurusan NGO** bagi melaksanakan program-program berimpak tinggi di negeri ini.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

64. Bagi menyokong sara hidup golongan **belia dan mahasiswa** daripada isi rumah berpendapatan rendah, dengan ini saya mengumumkan **pemberian tunai 'one-off'** bernilai **RM150** yang dijangkakan akan memberi manfaat kepada lebih 160,000 orang.
65. Pemberian **bantuan lesen motosikal** juga akan diteruskan untuk memberi manfaat kepada lebih 15,000 orang belia yang layak.



**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

66. Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan penduduk kita mendapat pekerjaan. Selepas merintis penubuhan THRDC sebelum ini, sekali lagi Kerajaan Negeri terkehadapan apabila berjaya menubuhkan Urusetia Pekerjaan Negeri Terengganu (UPNT) pada tahun lalu melibatkan keanggotaan daripada lebih 30 agensi kerajaan, majikan, pemain industri serta pusat pendidikan dan latihan. Alhamdulillah, dari Januari sehingga Ogos tahun ini, sebanyak 1,766 penempatan pekerjaan telah berjaya diusahakan. Saya percaya, tugas berat yang digalas oleh YB Hj. Mohd Nurkhuzaini ini hanya mampu berhasil dengan penglibatan daripada seluruh jentera di bawah kepimpinan beliau.
67. Justeru, sebanyak **RM1 juta** diperuntukkan bagi meneruskan pelbagai inisiatif di bawah **Pembangunan Sumber Manusia Negeri Terengganu** termasuk **Kelestarian Kerjaya** dan **Penempatan Pekerjaan** seperti Program ‘Outreach’ Kesejahteraan Pekerjaan Rakyat Negeri Terengganu.
68. Sebanyak **RM1 juta** lagi diperuntukkan bagi meneruskan program **‘Home Manager’** yang menyediakan peluang



pekerjaan untuk kaum wanita. Menerusi kerjasama YPKT dan THRDC pula, Kerajaan Negeri akan **menyelia peluang dan penempatan pekerjaan** terutamanya untuk golongan ibu tunggal dan OKU.

69. Untuk sekitar 25,000 orang **ibu tunggal dan OKU** yang layak di negeri ini, dengan ini saya mengumumkan **pemberian tunai ‘one-off’** bernilai **RM200** bagi menyokong sara hidup golongan ini.

**Dato’ Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

70. **Program Persediaan Alam Pekerjaan Belia** pula akan dilaksanakan melibatkan mahasiswa tahun akhir dan graduan baharu untuk meningkatkan kebolehpasaran dan mempersiapkan mental dan emosi golongan ini sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar.
71. Berita baik yang ingin saya kongsikan juga dengan anak-anak muda kita, Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan **bantuan** bernilai **RM300** menerusi **Skim Latihan Graduan Sejahtera** bagi menyokong graduan yang layak untuk mengikuti latihan pembangunan kerjaya.



**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

72. Bagi mengimbangi penawaran dengan permintaan rumah di negeri ini, suka saya maklumkan bahawa kini terdapat sebanyak **3,174 unit rumah melibatkan 23 projek perumahan kerajaan dan swasta** sedang dalam pembinaan dan dijangka akan disiapkan sehingga tahun hadapan. Sebahagian besarnya adalah kategori rumah mampu milik (RMM).
73. Dalam meningkatkan akses kepada pembiayaan patuh syariah pula, sebanyak **RM30 juta** diperuntukkan bagi **Skim Pinjaman Perumahan Terengganu (i-RAHMAN)**. Skim ini telah memberi manfaat kepada 323 pemohon pada tahun lepas dan 320 pemohon pada tahun ini.
74. Sebagai sokongan kepada **individu bujang dan ibu tunggal untuk mendapatkan rumah mampu milik dan pembiayaan i-RAHMAN, kuota sebanyak 10 peratus** diperuntukkan khusus untuk golongan ini.
75. Tidak cukup dengan itu, saya difahamkan bahawa YB Dato' Dr. Hj. Alias juga telah mengarahkan agensi berkaitan di bawah beliau untuk memantau dan merancang sesuatu mengenai projek perumahan terbengkalai dan unit rumah



tidak terjual supaya ia dapat memberi manfaat juga kepada penduduk kita. Syabas saya ucapkan atas inisiatif-inisiatif berimpak tinggi yang telah dan akan dilaksanakan ini.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

76. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan peningkatan kos sara hidup pada masa ini. Justeru, dengan ini saya mengumumkan **pemberian tunai ‘one-off’** bernilai **RM150** bagi membantu sekitar 2,600 orang **pengawal keselamatan** sebagai sokongan untuk menyara kehidupan mereka.
77. Bagi memantapkan pentadbiran JPKK pula sekaligus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri dalam menyantuni rakyat, sebanyak **RM5.5 juta** diperuntukkan bagi membiayai pembelian **peralatan kerja untuk JPKK**.
78. Selain itu, **pemberian tunai ‘one-off’** bernilai **RM300** bagi membantu isi rumah miskin juga akan diteruskan melibatkan semua kaum; Melayu, Cina dan India untuk **menyambut perayaan** penting masing-masing. Dianggarkan lebih 170,000 isi rumah akan menerima manfaat daripada bantuan ini.



79. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk menyediakan peruntukan **RM5 juta** bagi dana **Yayasan Darul Iman (YDI)** yang telah saya umumkan penubuhannya pada tahun lalu. Sekali lagi saya mengajak semua pihak untuk sama-sama menyumbang kepada tabung ini bagi merancakkan lagi program bantuan kebajikan kepada rakyat.
80. Mengenai inisiatif-inisiatif kebajikan ini, saya akui bahawa masih ada perkara yang perlu ditambah baik. Namun, dapatan daripada beberapa tinjauan dan kajian yang dilaksanakan oleh TSIS dan beberapa universiti awam menunjukkan bahawa rakyat kita berpuas hati dengan pengenalan dan pelaksanaannya oleh Kerajaan Negeri. Tahniah saya ucapkan kepada YB Hj. Hanafiah dan seluruh warga kerja beliau dalam menjalankan tugas menjaga kebajikan rakyat ini.

## **TERAS 2 : EKONOMI DIPACU**

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

81. Dalam memperkuuh pertumbuhan dan memperbesar saiz ekonomi negeri kita, Kerajaan Negeri akan memberikan lebih tumpuan kepada sektor pertanian, industri pelancongan, pembangunan pelaburan dan aktiviti perniagaan.



82. Bagi **memangkin penjanaan ekonomi**, dengan ini saya mengumumkan peruntukan berjumlah **RM15 juta** untuk melaksanakan projek-projek berimpak tinggi yang memberikan kesan langsung kepada peningkatan sosioekonomi penduduk setempat.
83. Projek yang akan dilaksanakan ini melibatkan penyediaan kemudahan komersial di luar bandar, penaiktarafan tempat tumpuan pelancong, penambahbaikan premis perniagaan dan penyediaan kawasan kegiatan ekonomi baharu untuk para usahawan.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

84. Isu keselamatan makanan terutamanya aspek pengeluaran dan bekalan makanan adalah sangat penting untuk diberikan perhatian.
85. Tahniah saya ucapkan kepada YB Dr. Azman dan seluruh warga kerja di bawah teraju beliau serta warga tani sekalian kerana berjaya meningkatkan tahap sara diri (SSL) padi negeri kita kepada 55.8 peratus pada tahun 2021 berbanding hanya 43 peratus pada tahun 2018. Saya percaya kita dapat mencapai sasaran 60 peratus pada tahun hadapan. InsyaAllah.



86. Justeru, dengan ini diperuntukkan sebanyak **RM29.18 juta** bagi melaksanakan pelbagai program dan projek untuk meningkatkan nilai ditambah sektor pertanian.
87. Bagi subsektor tanaman, Kerajaan Negeri akan meneruskan **projek pembangunan padi** melibatkan penyelenggaraan tali air dan pemulihan kesuburan tanah sawah serta **pembangunan infrastruktur tanah terbiar**. Selain itu, **infrastruktur kawasan luar jelapang padi terutama di Kampung Jelapang, Setiu** juga akan dinaiktaraf secara berperingkat dengan peruntukan sehingga **RM5 juta** pada tahun hadapan.
88. Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)** untuk golongan belia di Telaga Papan, Setiu di samping menaik taraf **infrastruktur asas lima buah TKPM sedia ada**. Selain itu, **pembangunan jalan pertanian** dan **Program CSR Tani** juga akan diteruskan.
89. Fokus subsektor ternakan pula ialah kepada **pembangunan padang ragut di seluruh negeri, hub lembu sado, kambing tenusu dan Jurusuntik Permanian Beradas** yang juga akan menjana peluang pekerjaan baharu khususnya untuk golongan belia. **CSR Ternakan** juga diperkenalkan berfokus kepada pembangunan padang ragut menerusi kolaborasi antara jabatan bersama komuniti peserta padang ragut.



90. Untuk memperkaya sumber marin, subsektor perikanan akan meneruskan **projek pembinaan dan melabuh tukun tiruan, melabuh unjam, pelepasan benih ke perairan umum dan konservasi penyu** termasuk membeli semula telur penyu daripada pemajak. **Program pembersihan tukun-tukun tiruan** yang telah dilabuhkan juga akan dilaksanakan dengan kerjasama penyelam berpengalaman bagi mengoptimumkan fungsinya sebagai rumah ikan serta penghalang pukat tunda.
91. Selain menyediakan **bantuan peralatan kepada nelayan kecil, kerja-kerja pengerukan di kawasan Pelabuhan LKIM Chendering, Kuala Terengganu** juga akan dilaksanakan bagi membantu para nelayan meningkatkan jumlah pendaratan ikan di negeri kita.
92. Di samping memperluas skop pelaksanaan **program-program bantuan input, mekanisasi dan peralatan**, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan kemudahan pembiayaan patuh syariah iaitu **Skim Bantuan Modal Tani** untuk warga tani terutamanya daripada kumpulan B40; dan **Tabung Bencana Pertanian** untuk membantu warga tani dalam berhadapan dengan ketidaktentuan iklim, kemunculan penyakit baharu dan serangan musuh tanaman.



93. Pada hari ini juga saya ingin mengumumkan **pemberian tunai ‘one-off’ bernilai RM150** kepada lebih 20,000 **petani, penternak dan nelayan** yang layak bagi menyokong sara hidup golongan ini.

**Dato’ Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

94. Bagi memastikan industri pelancongan di negeri kita terus berkembang dan menarik lebih ramai pelancong, sebanyak **RM4.5 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan **program-program galakan pelancongan**.
95. Antaranya ialah program menjadikan Terengganu sebagai **hub ‘edu-tourism’**, penganjuran aktiviti air **di sepanjang Sungai Terengganu** dan **penambahan produk rekreasi perkhemahan** seperti pusat caravan. Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan **Geran Pelancongan Darul Iman (GPDI)** untuk penggiat pelancongan di negeri ini.
96. Sebanyak **RM2 juta** lagi diperuntukkan bagi **memperkasa produk pelancongan di setiap daerah** melibatkan kawasan ‘Community Based Tourism’ (CBT) dan pulau-pulau di negeri kita antaranya dengan menambah baik fasiliti bagi ‘day trip’ di Pulau Perhentian, Pulau Redang



dan Pulau Kapas sebagai **Day Trip Centre**. Selain itu, sebanyak **RM1 juta** diperuntukkan bagi menambah baik dan menjenamakan semula **Kenyir Island Hopping** yang bakal menjadi salah satu tarikan baharu.

97. Pada kesempatan ini juga, syabas saya ucapkan kepada semua agensi, pengusaha dan penggiat industri pelancongan di negeri ini atas kejayaan merangkul tujuh anugerah di 6th Annual Malaysia Tourism Council (MTC) Gold Awards 2022 yang diadakan di Kuching, Sarawak baru-baru ini. Tahniah YB Ariffin.
98. Sebagai penghargaan dan menyokong sara hidup lebih 1,500 orang **pekerja industri pelancongan** di negeri ini, justeru saya mengumumkan **pemberian ‘one-off’** bernilai **RM150** kepada yang layak.

**Dato’ Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

99. Untuk makluman semua, sehingga Oktober tahun ini, nilai pelaburan kita telah mencecah RM3.76 bilion dan lebih 3,000 peluang pekerjaan tersedia menerusi projek-projek yang direalisasikan, komited dan berpotensi hasil kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan ECERDC.



100. Selain itu, pada tahun ini juga kita berjaya melaksanakan MIDA Invest Series Terengganu; Majlis Menandatangani MoU antara Eastern Steel Sdn. Bhd. dengan UMT, UC TATI dan TESDEC; serta Terengganu OGSE Roadshow 2022 dengan kerjasama Malaysia Petroleum Resource Corporation. Sekalung penghargaan saya tujukan buat YB Dato' Hj. Tengku Hassan dan seluruh pasukan kerja beliau terutamanya di UPEN.
101. Justeru, bagi merancakkan lagi **program galakan dan promosi pelaburan**, peruntukan berjumlah **RM250 ribu** disediakan termasuklah untuk menyediakan **bahan yang mengandungi maklumat mengenai prospek, dasar dan insentif pelaburan** di negeri kita; menyertai misi-misi pelaburan bersama MIDA; mengalu-alukan **kehadiran pelabur asing dan tempatan**; menganjurkan **seminar, persidangan dan eksposisi**; serta mengoptimumkan **pengiklanan** termasuklah di media sosial.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

102. Golongan belia kita perlu didorong untuk menceburi bidang keusahawanan dan usahawan baharu pula mesti diberikan sokongan. Justeru, sebanyak **RM350 ribu** diperuntukkan bagi melaksanakan **Program Transformasi Minda**,



menambah baik **sistem pengurusan kompetensi Sahabat Usahawan Terengganu (SUT)** serta meningkatkan **inovasi dan meluaskan pasaran produk tempatan** menerusi kolaborasi dengan universiti tempatan dan penganjuran **Terengganu Showcase** dengan peruntukan sebanyak **RM225 ribu** khusus bagi membantu PMKS di negeri kita.

103. Selain itu, peruntukan berjumlah **RM1.3 juta** pula disediakan untuk **menaik taraf premis perniagaan** di kawasan tumpuan orang ramai dan **kemudahan di Bukit Bubus Paragliding Park; membina Inkubator Industri Desa** di Kawasan Perindustrian Gong Medang 2, Besut; dan **menyediakan tapak 'food truck' di daerah-daerah.**

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

104. Suka juga untuk saya mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan dana sebanyak **RM2 juta** bagi **Geran Tunas Usahawan** iaitu bantuan modal bernilai antara **RM3,000 hingga RM5,000** kepada para belia yang serius mahu menjalankan perniagaan.
105. Selain itu, **bantuan dalam bentuk tunai atau peralatan** bernilai antara **RM500 hingga RM1,000** pula akan



diberikan bagi menyokong pemulihan lebih 3,000 **peniaga kecil dan penjaja** dalam mendepani situasi ekonomi yang tidak menentu pada masa ini.

106. Bagi membantu para usahawan juga, Kerajaan Negeri menjamin ketersediaan dana berjumlah **RM10 juta** setahun menerusi **Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS)** untuk tujuan pemberian pinjaman, pembangunan perniagaan dan promosi produk.

### **TERAS 3 : PEMBANGUNAN DILESTARI**

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

107. Pembangunan yang dilaksanakan di negeri kita mestilah bertujuan untuk memenuhi keperluan fizikal dan sosial penduduk. Pada masa yang sama, alam sekitar juga mestilah dilindungi supaya tidak menjaskan sumber untuk keperluan generasi masa hadapan.
108. Demi kesejahteraan penduduk, Kerajaan Negeri bersetuju menambah peruntukan bagi **projek-projek kecil di peringkat DUN** kepada **RM32 juta** untuk melaksanakan pembangunan berkaitan infrastruktur, kemudahan awam dan sosioekonomi setempat.



109. Supaya pengguna domestik, komersial dan industri mendapat air yang berkualiti dan tidak mengalami gangguan bekalan pula, sebanyak **RM108 juta** diperuntukkan bagi meneruskan **Projek Bekalan Air Kuala Terengganu Utara (KTU)**.
110. Sesungguhnya saya akui bahawa tanggungjawab untuk memperbaik pengurusan sumber dan perkhidmatan bekalan air adalah tidak mudah kerana adanya pelbagai kekangan dan amat sensitif kepada penduduk. Namun, kerjasama erat dan usaha berterusan terutamanya oleh JBA, SATU dan LAUT telah berjaya mengatasinya satu per satu.
111. Saya amat kagum dengan perhatian serius yang ditunjukkan oleh YB Dr. Hj. Mamad dalam memastikan projek-projek infrastruktur air berjalan dengan lancar; dan kecaknaan beliau terhadap pelaksanaan inisiatif pemberian **20 meter padu air percuma** bagi menjamin keperluan lebih 12,000 isi rumah miskin di negeri kita dapat dipenuhi.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

112. Sebanyak **RM102 juta** diperuntukkan bagi kerja-kerja penyediaan infrastruktur asas dan bayaran pengambilan tanah untuk membangunkan bandar-bandar baharu di



Kuala Nerus, Kuala Terengganu dan Kemaman. Sebanyak **RM78.65** juta lagi diperuntukkan bagi membina **Kompleks Pentadbiran Majlis Perbandaran Dungun** yang baharu dan **RM3.1** juta untuk menaik taraf **kemudahan utiliti dan infrastruktur kawasan perindustrian** di Kemaman, Dungun dan Marang.

113. Suka juga untuk saya mengumumkan bahawa **Data-ran Teluk Pasu akan dibangunkan sebagai tempat rekreasi keluarga yang baharu** dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta** bagi pelaksanaan fasa pertama.

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

114. Kerajaan Negeri akan **memperkasakan liputan internet** di seluruh negeri melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Digital Nasional Berhad (DNB) dengan memfokuskan kepada Pelan Pelaksanaan 5G dan pembinaan struktur telekomunikasi sedia ada dan baharu di 373 tapak. Pelaksanaannya di 178 tapak melibatkan empat daerah akan dimulakan pada tahun hadapan.
115. Sebanyak **RM2 juta** pula diperuntukkan bagi memperkasakan **Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)** dan '**Artificial Intelligence' (AI)** di negeri kita menerusi TAJDID.



**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

116. Bagi meningkatkan mutu **pengurusan kebersihan dan keindahan bandar**, Kerajaan Negeri bersetuju menambah peruntukan kepada **RM77 juta** bagi perbelanjaan berkaitan kontrak kebersihan dan pelaksanaan **Program Kebersihan Bandar, pembelian tong sampah, Pertandingan PBT Cemerlang, Program Terengganu Bersih dan Lestari, bantuan sewaan tong sampah RORO serta Projek Kutipan Sampah.**

### **PENGUMUMAN KHAS**

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

117. Sebagai menghargai jasa para **penjawat awam** yang telah menggerakkan pentadbiran kerajaan, saya dengan ini mengumumkan pemberian **bonus** bernilai **RM900** kepada hampir 14,000 penerima yang layak.



## PENUTUP

**Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,**

118. Inisiatif-inisiatif yang saya umumkan ini adalah untuk membangunkan kapasiti rakyat dan negeri kita dalam tujuh bidang seperti yang telah saya jelaskan semasa Persidangan Terengganu Sejahtera lalu.
119. Hanya dengan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak sahajalah matlamat "**Memacu Terengganu Berdaya Tahan**" ini dapat direalisasikan.
120. Mengakhiri ucapan ini, suka saya mengingatkan diri saya dan kita semua supaya beramanahlah dalam melaksanakan tanggungjawab agar ia menjadi amal soleh yang menguntungkan kita pada hari yang pasti tiba nanti.
121. Semoga Allah SWT merahmati kita semua dan menjadikan negeri ini 'baldatun toyyibah wa rabbun ghafur'.

وَأَفْرِضْ أَمْرِيٍّ إِلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ



Hanya kepadaNya jualah saya kembalikan segala urusan kerajaan ini. Sesungguhnya Dia Maha Melihat akan keadaan hamba-hambaNya.

**Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,**  
Saya mohon mencadang.